

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR IR. TS DR SOLEHUDIN SHUIB
PENOLONG REKTOR
KAMPUS SUNGAI BULOH & SELAYANG
UiTM CAWANGAN SELANGOR

MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA PROGRAM EKSPEDISI JELAJAH
MERDEKA 3.0
14 OGOS 2025 | KHAMIS | 8.00 PAGI
BUKIT SAPU TANGAN
TAMAN BOTANI NEGARA
SHAH ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Puan Khairunnisa Omar
Selaku Pengarah Program

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri
UiTM Cawangan Selangor

Barisan AJK serta para peserta Program Ekspedisi
Jelajah Merdeka 3.0 sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita semua diberi kesihatan dan ruang untuk hadir dalam program **Ekspedisi Jelajah Merdeka 3.0**, anjuran Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan.
3. Tahniah dan syabas saya rakamkan kepada pihak penganjur atas inisiatif ini yang berjaya menggabungkan aspek fizikal, patriotisme dan

pembangunan sahsiah diri dalam satu program yang cukup berimpak.

4. Saya melihat program ini sebagai satu simbolik yang bermakna.

5. Pendakian ke puncak Bukit Sapu Tangan menggambarkan perjalanan penuh cabaran menuju kejayaan yang menuntut ketabahan, kerjasama dan semangat juang, iaitu nilai-nilai yang wajar disemai dalam jiwa kita semua.

6. Kita kini berada dalam era yang menuntut kecemerlangan secara menyeluruh, bukan sahaja dalam akademik tetapi juga dalam membina jati diri, memupuk etika dan menyemai semangat kenegaraan.

7. Justeru, saya percaya program seperti ini

merupakan peluang terbaik untuk membentuk warga kampus yang seimbang dari segi emosi, rohani dan jasmani.

8. Di kesempatan ini, saya mengajak kita semua untuk terus memartabatkan nilai kemerdekaan dengan membudayakan semangat patriotisme dalam setiap tindakan kita, sama ada sebagai staf UiTM mahupun sebagai warga Malaysia.
9. Akhir kata, saya berharap program seperti ini dapat diteruskan dan diperkasakan lagi pada masa akan datang.
10. Semoga Ekspedisi Jelajah Merdeka menjadi titik permulaan kepada lebih banyak usaha untuk menyemai rasa cinta akan tanah air dan menghargai erti kemerdekaan yang sebenar.

Menjejak hutan berbekal semangat,
Langkah diatur penuh setia,
Menawan puncak dengan tekad,
Tanda cinta pada negara.

11. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan **Program
Ekspedisi Jelajah Merdeka 3.0.**

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**